



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 63
No. 6

14hb Mac 2019

TAMBAHAN No. 5
PERUNDANGAN

J. P.U. 14.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH LALULINTAS JALAN

(PERUNTUKAN TEMPAT LETAK KERETA)

MAJLIS PERBANDARAN KLUANG (PINDAAN) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 72 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Majlis Perbandaran Kluang sebagai pihak berkuasa berhubung dengan mana-mana jalan yang terletak dalam kawasan Majlis Perbandaran Kluang, dengan persetujuan Menteri, membuat Perintah yang berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan berkuatkuasa

1. (a) Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Majlis Perbandaran Kluang (Pindaan) 2019 dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Kluang.

(b) Perintah ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Pindaan Jadual Pertama

2. Jadual Pertama kepada Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Majlis Perbandaran Kluang 2003 [J.P.U. 46/2003] yang disebut sebagai "Perintah ibu" dalam Perintah ini adalah dipinda dengan memasukkan selepas butiran 135, butiran-butiran yang berikut:

JADUAL PERTAMA

(1) Bil.	(2) Kawasan Jalan	(3) Bayaran Letak Kereta Yang Ditetapkan	(4) Jenis Temput Letak Kereta	(5) Masa-Masa Dikawal
136.	Jalan Kluang Komersil 1	60 sen bagi setiap	Sistem	Subtu hingga Khamis
137.	Jalan Kluang Komersil 2	satu (1) jam atau	Letak Kereta	(8.00 pagi hingga
138.	Jalan Pisang	40 sen bagi setiap	Berkupon	6.00 petang)
139.	Jalan Gunung Lambak 1, Taman Gunung Lambak			
140.	Jalan Persona 1, Taman Persona			
141.	Jalan Persona 2, Taman Persona			
142.	Jalan Seri Impian 1/1, Taman Seri Impian			
143.	Jalan Seri Impian 1/2, Taman Seri Impian			
144.	Jalan Kluang Indah 1/1, Taman Kluang Indah			
145.	Jalan Kluang Indah 1/2, Taman Kluang Indah			
146.	Jalan Kluang Indah 1/3, Taman Kluang Indah			
147.	Jalan Kluang Indah 1/4, Taman Kluang Indah			
148.	Jalan Kluang Indah 1/5, Taman Kluang Indah			
149.	Jalan Kluang Indah 2/1, Taman Kluang Indah			
150.	Jalan Tasik 1			
151.	Jalan Tasik 2			
152.	Jalan Susur 1, Jalan Besar			
153.	Jalan Susur 1 Jalan Johor Tenggara			
154.	Lorong Belakang Jalan Tembikai			

Bertarikh 13 Februari 2019
 [MPK/599/700/0001/UU/UUK;
 SUKJ.KT. 58/19 JLD. 3(4);
 PPUUNJ. 600-1/2/8(2)]

HAI MOHD. RAFI BIN ABDULLAH
 Yang Dipertua
 Majlis Perbandaran Kluang

ROAD TRANSPORT ACT 1987

ROAD TRAFFIC

(PROVISION FOR PARKING PLACES)

KLUANG MUNICIPAL COUNCIL (AMENDMENT) ORDER 2019

In exercise of powers conferred by section 72 of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the Kluang Municipal Council being the appropriate authority in respect of roads in the Kluang Municipal Council areas, with the concurrence of the Minister, makes the following Order:

Citation, application and commencement

1. (a) This order may be cited as the Road Traffic (Provision For Parking Places) Kluang Municipal Council (Amendment) Order 2019 and shall apply only to the Kluang Municipal Council.

(b) This order shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

Amendment of the First Schedule

2. The First Schedule of the Road Traffic (Provision For Parking Places) (Kluang Municipal Council) Order 2003 [J.P.U. 46/2003] which referred to as the "Principal Order" is amended by inserting after item 135, the following items:

FIRST SCHEDULE				
(1) No.	(2) Locality	(3) Prescribed Parking Charges	(4) Type Of Parking	(5) Controlled Hours.
136.	Jalan Kluang Komersil 1	60 cents for every one (1) hour or 40 cents for every half (1/2) hour	Coupon parking system	Saturday to Thursday (8.00 am to 6.00 pm)
137.	Jalan Kluang Komersil 2			
138.	Jalan Pisang			
139.	Jalan Gunung Lambak 1, Taman Gunung Lambak			
140.	Jalan Persona 1, Taman Pesona			
141.	Jalan Persona 2, Taman Pesona			
142.	Jalan Seri Impian 1/1, Taman Seri Impian			
143.	Jalan Seri Impian 1/2, Taman Seri Impian			
144.	Jalan Kluang Indah 1/1, Taman Kluang Indah			
145.	Jalan Kluang Indah 1/2, Taman Kluang Indah			
146.	Jalan Kluang Indah 1/3, Taman Kluang Indah			
147.	Jalan Kluang Indah 1/4, Taman Kluang Indah			

(1) No.	(2) Locality	(3) Prescribed Parking Charges	(4) Type Of Parking	(5) Controlled Hours
148.	Jalan Kluang Indah 1/5, Taman Kluang Indah			
149.	Jalan Kluang Indah 2/1, Taman Kluang Indah			
150.	Jalan Tasik 1			
151.	Jalan Tasik 2			
152.	Jalan Susur 1, Jalan Besar			
153.	Jalan Susur 1 Jalan Johor Tenggara			
154.	Lorong Belakang Jalan Tembikai			

Dated 13 February 2019
[MPK/599/700/0001/UU/UUK;
SUKJ.KT. 58/19 JLD. 3(4);
PPUUNJ. 600-1/2/8(2)]

HAJI MOHD. RAFI BIN ABDULLAH
President
Kluang Municipal Council

J. P.U. 15.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987
PERINTAH LALULINTAS JALAN
(SEKATAN PENGGUNAAN JALAN)
(MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU) 2019

BAHAWASANYA melalui Pemberitahuan *Warta* J.P.U. No. 54 yang disiarkan pada 22 November 2018, notis telah diberikan mengenai cadangan untuk membuat suatu perintah di bawah seksyen 70(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Johor Bahru terhadap pembuatan perintah itu;

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 70(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Majlis Bandaraya Johor Bahru, setelah berunding dengan Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia dan setelah memberi pertimbangan kepada perkara yang disebut dalam subseksyen 70(2) Akta itu, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (a) Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Lalulintas Jalan (Sekatan Penggunaan Jalan) (Kenderaan Basikal) (Majlis Bandaraya Johor Bahru) 2019.

J. P.U. 49.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH LALULINTAS JALAN
 (PERUNTUKAN TEMPAT LETAK KERETA)
 MAJLIS PERBANDARAN KLUANG (PINDAAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 72 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Majlis Perbandaran Kluang (selepas ini dirujuk sebagai "Majlis") sebagai pihak berkuasa tempatan berhubung dengan mana-mana jalan yang terletak dalam kawasan Majlis Perbandaran Kluang, dengan persetujuan Menteri, membuat Perintah yang berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan berkuatkuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Majlis Perbandaran Kluang (Pindaan) 2014 dan hendaklah dipakai hanya bagi Majlis Perbandaran Kluang.

(2) Perintah ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Pindaan Jadual Pertama

2. Jadual Pertama kepada Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Majlis Perbandaran Kluang 2003, yang disebut "Perintah Ibu" adalah dipinda dalam ruangan (5), dengan menggantikan perkataan "Isnin hingga Sabtu (8.00 pagi hingga 6.00 petang)" dengan perkataan "Sabtu hingga Khamis (8.00 pagi hingga 6.00 petang)".

Pindaan Jadual Keempat

3. Jadual Keempat kepada Perintah ibu adalah dipinda dengan menggantikan bahagian PENERANGAN dengan bahagian PENERANGAN berikut:

Bayaran boleh dibuat di Pejabat Majlis Perbandaran Kluang beralamat di:
 Majlis Perbandaran Kluang, Jalan Pejabat Kerajaan, 86000 Kluang, Johor.

WAKTU PEJABAT

Ahad-Rabu : 8.00 pagi hingga 12.30 tengahari
 : 2.00 petang hingga 4.15 petang
 Khamis : 8.00 pagi hingga 2.30 petang

Bayaran hendaklah di dalam bentuk wang tunai atau kiriman wang, wang pos, perintah kasyier, perintah bank atau deraf bank yang dipalang dan dibayar kepada "Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kluang".

Cek Persendirian adalah tidak diterima.

Sila membuat pembayaran dalam masa 14 hari dari tarikh notis tawaran ini.

Bertarikh 7 Ogos 2014
 [MPK/599/700/0001/UU/UUK]

HAI ADIB AZHARI BIN DAUD
 Yang Dipertua
 Majlis Perbandaran Kluang



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 57
No. 10

9hb Mei 2013

TAMBAHAN No. 6
PERUNDANGAN

J. P.U. 13.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH LALULINTAS JALAN
(PERUNTUKAN TEMPAT LETAK KERETA)
MAJLIS PERBANDARAN KLUANG (PINDAAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 72 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Majlis Perbandaran Kluang sebagai pihak berkuasa berhubung dengan mana-mana jalan yang terletak dalam kawasan Majlis, dengan persetujuan Menteri, membuat perintah yang berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan berkuatkuasa

1. (a) Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Majlis Perbandaran Kluang (Pindaan) 2013 dan hendaklah dipakai hanya bagi Majlis Perbandaran Kluang.

(b) Perintah ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan di dalam *Warta*.

Pindaan Jadual Pertama

2. Jadual Pertama kepada Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Majlis Perbandaran Kluang 2003 selepas butiran 130 adalah dipinda dengan memasukkan butiran yang berikut:

JADUAL PERTAMA

(1) Bil.	(2) Kawasan/Jalan	(3) Bayaran Letak Kereta Yang Ditetapkan	(4) Jenis Tempat Letak Kereta	(5) Masa-masa Dikawal
	Taman Emas			
131.	Jalan Sahabat I	60 sen bagi setiap satu (1) jam atau 40 sen bagi setiap setengah (1/2) jam	Sistem Letak Kereta Berkupon	Isnin hingga Sabtu (8.00 pagi hingga 6.00 petang)
	Bandar			
132.	Jalan Ciku			
133.	Jalan Duku			
134.	Jalan Durian			
135.	Jalan Langsung			

Bertarikh 18 Mac 2013
[MPK/599/702/2/2]

HAJI AHMAD BIN HAJI MA'IN
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kluang

Disahkan pada

HAJI MOHD HALIM BIN HASBULLAH
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan
Johor

ROAD TRANSPORT ACT 1987

ROAD TRAFFIC (PROVISION FOR PARKING PLACES)
KLUANG MUNICIPAL COUNCIL ORDER (AMENDMENT) 2013

In exercise of the powers conferred by section 72 of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the Kluang Municipal Council being the appropriate authority in respect of roads in the Council areas, with the concurrence of the Minister, makes the following order:

Citation, application and commencement

1. (a) This order may be cited as the Road Traffic (Provision for Parking Places) Kluang Municipal Council Order (Amendment) 2013 and shall apply only to the Kluang Municipal Council.

(b) This order shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

First Schedule Amendment

2. The First Schedule of Road Traffic (Provisions For Parking Places) Kluang Municipal Council Order 2003 after item 130 is amended with insertion of particulars as follows:

J. P.U. 46.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH LALULINTAS JALAN
(PERUNTUKAN TEMPAT LETAK KERETA)
MAJLIS PERBANDARAN KLUANG 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 72 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Majlis Perbandaran Kluang sebagai pihak berkuasa berhubung dengan mana-mana jalan yang terletak dalam kawasan Majlis, dengan persetujuan Menteri, membuat Perintah yang berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan berkuatkuasa.

1. (a) Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Majlis Perbandaran Kluang 2003 dan hendaklah dipakai hanya bagi Majlis Perbandaran Kluang.

(b) Perintah ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran.

2. Dalam Perintah ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“atendan letak kereta” ertinya mana-mana orang atau syarikat yang dilantik dan termasuk sesiapa yang diberi kuasa oleh Majlis untuk mengawal selia dan menguruskan tempat letak kereta selain daripada tempat letak kereta berkupon yang dinyatakan dalam Jadual Pertama untuk memungut bayaran yang ditetapkan melalui apa-apa perjanjian yang dibuat di antara Majlis dengannya;

“bas luar” ertinya sebuah bas yang biasanya berulang alik mencari sewa antara tempat-tempat yang dituju dalam kawasan Majlis dan Tempat-tempat yang dituju di luar kawasan Majlis;

“bayaran yang ditetapkan” ertinya bayaran yang ditetapkan dalam Jadual-jadual itu;

“jam” termasuklah sebahagian daripada satu jam;

“kenderaan bermotor” tidak termasuk apa-apa juga motosikal atau motor sekuter;

“kereta sewa” ertinya sebuah kereta teksis atau kereta sewa yang biasanya berulang alik mencari sewa dari dalam kawasan Majlis ke tempat-tempat yang dituju di luar kawasan Majlis;

“kupon letak kereta” ertinya kupon yang dikeluarkan oleh Majlis atau syarikat pengendali, yang di atasnya tercatat kadar bayaran, tempoh masa dan tarikh bagi membenarkan kenderaan bermotor diletakkan di mana-mana petak letak kereta di tempat letak kereta, kecuali tempat letak kereta terkawal atau tempat letak kereta bermusim;

“letak kereta” termasuklah menunggu di dalam sesuatu petak letak kereta;

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Kluang;

“pas bermusim” ertinya pas yang dikeluarkan oleh Majlis atau syarikat pengendali yang menunjukkan antara lainnya nama jalan atau kawasan, nombor petak, nombor pendaftaran kenderaan bermotor, nombor siri dan tarikh luput pas bermusim tersebut bagi meletakkan kenderaan bermotor itu di suatu petak letak kereta bermusim;

"pas bulanan" ertinya seperti yang dinyatakan di dalam Perintah 18;
 "Pembantu Penguatkuasa (Tempat Letak Kereta)" ertinya anggota Majlis yang dilantik untuk melakukan kerja-kerja penguatkuasaan Perintah ini di tempat letak kereta berkupon termasuklah lain-lain anggota Majlis yang dilantik bagi tujuan tersebut;

"petak letak kereta" ertinya petak yang ditandakan di tempat letak kereta bagi tujuan diletakkan sebuah kenderaan bermotor di atasnya;

"sistem letak kereta berkupon" ertinya sistem mempamer kupon letak kereta pada kenderaan bermotor yang diletakkan di petak letak kereta di tempat letak kereta berkupon;

"syarikat pengendali" ertinya syarikat yang dilantik di bawah perintah 7(3);

"tempat letak kereta" ertinya sagala petak letak kereta di jalan-jalan, jalan sisian, lorong, tanah, bangunan, kawasan atau tempat yang diperihalkan di dalam Jadual Pertama sebagai tempat di mana kenderaan bermotor boleh diletakkan;

"tempat letak kereta berkupon" ertinya segala tempat letak kereta yang berkuatkuasa di atasnya sistem letak kereta berkupon seperti yang dibutirkan dalam Jadual Pertama;

"tempat letak kereta bermusim" ertinya suatu tempat letak kereta yang telah ditandakan dengan perkataan 'Rizab' atau apa-apa tanda lain di mana hanya kenderaan bermotor yang telah dibeli pas bermusim baginya boleh diletakkan;

"tempat letak kereta terkawal" ertinya suatu tempat letak kereta di mana waktu masuk dan keluar dari tempat tersebut dicatatkan oleh seorang atendan letak kereta atau dengan menggunakan lain-lain alat sawat dan tempoh lamanya meletak kereta dikira dari waktu masuk sehingga waktu keluar seperti dibutirkan dalam Jadual Pertama;

"tempat letak kereta sewa" ertinya suatu tempat letak kereta yang diperihalkan dalam ruang 2 Jadual Kedua di mana sesuatu kereta sewa boleh diletakkan bagi maksud menanti penumpang-penumpang dengan bayaran yang ditetapkan oleh Yang Dipertua;

"tempat perhentian bas" ertinya suatu kawasan yang diperihalkan dalam ruang 2 Jadual Ketiga untuk meletak bas dengan bayaran yang ditetapkan.

"Yang Dipertua" ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kluang termasuk Timbalan Yang Dipertua.

Peruntukan bagi tempat letak kereta.

3. (1) Yang Dipertua adalah dengan ini membuat peruntukan bahawa:
- (a) jalan, sepanjang jalan atau tempat yang dinyatakan dalam ruang 2 Jadual Pertama adalah tempat-tempat letak kereta bagi kenderaan bermotor kecuali kereta sewa;
 - (b) Jalan, sejajaran jalan atau tempat yang dinyatakan dalam ruang 2 Jadual Kedua adalah tempat-tempat letak kereta bagi kereta sewa; dan
 - (c) Tempat yang dinyatakan di dalam Ruang 2 Jadual Ketiga adalah tempat-tempat letak bas atau kawasan-kawasan perhentian bas,
- dan peruntukan-peruntukan Perintah ini hendaklah dipakai baginya.

(2) Majlis dengan ini boleh mengadakan tempat letak kereta di atas mana-mana tanah, bangunan, jalan atau bahagian-bahagian jalan, lorong atau lorong belakang yang berada di bawah bidang kuasa pentadbiran Majlis bagi tujuan tempat letak kereta.

(3) Berhubungan dengan teksi, bas, bas luar dan kereta sewa yang menggunakan tempat letak kereta itu hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut dikenakan oleh Yang Dipertua dan sesiapa yang menggunakan tempat itu hendaklah mematuhi syarat-syarat itu.

Jenis-jenis tempat letak kereta.

4. Dalam menyediakan tempat letak kereta Majlis hendaklah mempunyai budibicara untuk menetap dan melaksanakan jenis-jenis sistem tempat letak kereta termasuk sistem letak kereta berkupon yang disifatkan sesuai dan cara-cara bagaimana ianya akan dikendalikan.

Petak-petak letak kereta.

5. (1) Sesuatu tempat letak kereta boleh dibahagi-bahagikan kepada beberapa petak letak kereta dan bagi maksud menentukan petak-petak letak kereta itu Yang Dipertua hendaklah mengarahkan tiap-tiap satu petak letak kereta itu ditunjukkan dengan garisan bercat, tataan, tanda atau lain-lain tanda.

(2) Suatu papan tanda atau papan kenyataan hendaklah didirikan di tempat letak kereta dan padanya itu hendaklah ditampalkan suatu notis menyatakan isi Perintah ini.

Larangan dalam meletakkan kenderaan.

6. (1) Tiada sesiapa pun boleh meletak kenderaan motor dalam sesuatu petak letak kereta melintang mana-mana garisan yang menandakan petak letak kereta itu atau dalam kedudukan sedemikian bahawa kenderaan bermotor tersebut tidak sebenar-benarnya dalam kawasan yang ditandakan sebagai petak letak kereta.

(2) Seseorang yang meletakkan kenderaan bermotor dalam suatu petak letak kereta hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan subperenggan 1, menentukan kenderaan bermotor itu supaya menghadap ke arah lalu lintas pada amnya setakat mana yang boleh mengikut garisan-garisan yang menandakan petak letak kereta itu dan hendaklah menepati segala tanda isyarat yang ditunjukkan di tempat letak kereta itu.

(3) Jika mana-mana kenderaan bermotor diletakkan pada petak letak kereta dengan melanggar peruntukan-peruntukan yang tersebut di atas maka Pembantu Penguatkuasa (Tempat Letak Kereta) boleh mengubah atau menyebabkan diubah kedudukan kenderaan bermotor itu supaya kedudukannya mematuhi peruntukan-peruntukan itu, dan drebar atau orang yang menjaga kenderaan bermotor itu hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang sah di sisi undang-undang sebagaimana dikeluarkan oleh Pembantu Penguatkuasa (Tempat Letak Kereta) atau seorang pegawai polis beruniform supaya mematuhi peruntukan-peruntukan Perintah ini atau Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Pembantu Penguatkuasa (Tempat Letak Kereta).

7. (1) Majlis boleh melantik seorang atau beberapa orang Pembantu Penguatkuasa (Tempat Letak Kereta) untuk bertugas di suatu tempat letak kereta berkupon.

(2) Majlis boleh melantik syarikat-pengendali yang sesuai untuk mengawal selia dan menguruskan perlaksanaan tempat letak kereta berkupon yang disediakan oleh Majlis sebagaimana yang difikirkan perlu atau suaimanfaat bagi maksud Perintah ini.

(3) Bagi maksud Perintah ini, "syarikat pengendali" bermaksud syarikat yang dilantik dan diberi kuasa oleh Yang Dipertua melalui apa-apa perjanjian yang dibuat oleh pihak Majlis dengan syarikat pengendali bagi menjalankan kerja-kerja seperti di dalam perintah 7(2).

Syarat-syarat perlu dipatuhi.

8. (1) (i) Sesiapa juga yang meletakkan kenderaan bermotor di tempat letak kereta hendaklah mematuhi sebarang peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat yang dikenakan oleh Majlis berhubung dengan penggunaan tempat letak kereta tersebut.

(ii) Adalah menjadi satu kesalahan sekiranya meletakkan kenderaan yang bukan kenderaan bermotor di mana-mana tempat letak kereta.

(2) Sesiapa jua yang meletak kenderaan bermotor di tempat letak kereta bermusim hendaklah mematuhi sebarang peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat yang dikenakan oleh Majlis berhubung dengan penggunaan tempat letak kereta bermusim tersebut.

(3) Sesiapa jua yang menggunakan sistem letak kereta berkupon hendaklah mempamerkan kupon letak kereta yang dikeluarkan oleh Majlis atau syarikat pengendali di atas papan pemuka kenderaan bermotor dan kupon letak kereta itu hendaklah mempunyai tarikh dan masa permulaan kenderaan bermotor tersebut diletakkan.

(4) Mana-mana orang yang menggunakan pas bulanan hendaklah mematuhi sebarang peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat yang dikenakan oleh Majlis berhubung dengan penggunaan pas bulanan tersebut.

Tempat letak kereta terkawal.

9. (1) seseorang yang menggunakan tempat letak kereta terkawal hendaklah memberhentikan kenderaan bermotornya di pintu masuk tempat tersebut bagi membolehkan atendan letak kereta mencatatkan keterangan-keterangan mengenai kenderaan bermotornya dan waktu masuk. Atendan letak kereta kemudiannya akan memberikan kepada pemandu kenderaan bermotor itu satu salinan tiket meletak kereta dan membenarkan pemandu itu meletakkan kenderaan bermotornya di tempat letak kereta terkawal. Adalah menjadi tanggungjawab pemandu menyimpan tiket tersebut yang mana akan ditunjukkan kepada atendan letak kereta di pintu luar dan membayar kadar meletak kereta sebagaimana dinyatakan.

(2) Seseorang yang gagal menunjukkan tiket meletak kereta tersebut ketika hendak keluar dari tempat letak kereta hendaklah dianggap sebagai telah memasuki kawasan letak kereta itu pada waktu ia mula dibuka pada hari berkenaan dan hendaklah membayar kadar bagi tempoh masa yang dikira sebagai waktu keluar.

(3) Seseorang yang keluar daripada tempat letak kereta terkawal selepas tempat itu ditutup hendaklah membuat pembayaran letak kereta dengan kadarnya dikira dari waktu ia masuk hingga waktu tempat letak kereta tersebut ditutup di mana-mana pondok bayaran letak kereta dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh meletak kereta. Sekiranya ia gagal membayar kadar yang ditetapkan dalam tempoh tersebut ia hendaklah dikenakan bayaran lebih tiga kali ganda dari kadar bayaran biasa yang boleh dibayar dalam tempoh empat belas (14) hari selanjutnya.

Kawasan operasi sistem letak kereta ber kupon.

10. Kupon letak kereta hendaklah digunakan apabila meletak kenderaan bermotor di tempat letak kereta ber kupon yang tertera di dalam Jadual Pertama.

Pengeluaran kupon letak kereta.

11. (1) Majlis atau syarikat pengendali boleh mengeluarkan dan menjual kupon letak kereta kepada mana-mana orang yang membayar bayaran yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama.

Syarat-syarat bagi menggunakan kupon letak kereta.

12. (1) Mana-mana orang yang menggunakan kupon letak kereta yang dikeluarkan oleh Majlis atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis untuk meletakkan kenderaan bermotor hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam kupon letak kereta.

(2) Seseorang yang gagal mematuhi peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang disebutkan di bawah subperenggan 1 adalah melakukan suatu kesalahan.

Tempat-tempat kupon letak kereta diperlukan.

13. Pemandu atau pemunya kenderaan bermotor yang menggunakan kupon letak kereta boleh meletakkan kenderaan bermotornya di mana-mana petak letak kereta kecuali di petak letak kereta bermusim atau tempat letak kereta terkawal mengikut tempoh masa yang dibenarkan seperti yang dinyatakan di kupon letak kereta tersebut.

Cara mempamerkan kupon letak kereta.

14. (1) Pemandu atau pemunya kenderaan bermotor yang menggunakan kupon letak kereta untuk meletakkan kenderaan bermotor hendaklah mempamerkan kupon letak kereta di atas bahagian kanan papan pemuka kenderaan bermotor dengan menghadap cermin hadapan dan hendaklah memastikan bahawa pandangan Pembantu Penguatkuasa (Tempat Letak Kereta) yang bertugas tidak dihalang untuk memeriksa kupon letak kereta itu, pada bila-bila masa ketika kenderaan bermotor diletakkan di tempat letak kereta ber kupon itu.

(2) Kupon letak kereta yang telah dipinda, diubah, dirosakkan, dilipat atau diconteng adalah terhenti menjadi sah untuk digunakan.

Pengiraan masa letak kereta.

15. Di mana dua atau lebih kupon dipamerkan di atas sesuatu kenderaan bermotor untuk meliputi tempoh di dalam masa kenderaan bermotor itu diletakkan di dalam satu-satu tempat letak kereta ber kupon, masa permulaan yang ditunjukkan di dalam kupon yang kedua atau kupon-kupon yang berikutnya hendaklah bersambung serta merta selepas tamat tempoh masa letak kereta sepertimana yang ditunjukkan di dalam kupon yang terdahulu.

Masa permulaan kupon.

16. Tiada seorang pun yang boleh mempamerkan atau menyebabkan atau membenarkan untuk dipamerkan ke atas sesebuah kenderaan bermotor sesuatu kupon letak kereta dalam mana masa permulaan meletak kenderaan bermotor di situ menunjukkan bahawa ianya adalah lebih lewat daripada masa sebenarnya apabila ianya meletak kenderaan bermotor itu di tempat letak kereta ber kupon.

Kesalahan terus-menerus meletak kenderaan bermotor setelah tamat tempoh kupon.

17. Mana-mana orang yang terus menerus meletakkan kenderaan bermotor di tempat letak kereta berkupon setelah tamat tempoh kupon letak kereta yang dipamerkan di kenderaan bermotor itu bagi meliputi bayaran yang ditetapkan adalah melakukan satu kesalahan.

Pas bulanan.

18. Yang Dipertua boleh mengeluarkan atau mengarahkan untuk dikeluarkan bagi pihaknya suatu pas bulanan dalam bentuk yang ditentukan olehnya dengan pembayaran tidak melebihi RM100.00 sebulan, dan pas bulanan itu, apabila dikeluarkan akan membolehkan kenderaan bermotor yang menggunakannya diletak di mana-mana tempat letak kereta kecuali tempat letak kereta bermusim, tanpa dikenakan apa-apa kadar bayaran tambahan.

Pas bermusim.

19. (1) Yang Dipertua boleh mengeluarkan atau mengarahkan untuk dikeluarkan bagi pihaknya suatu pas bermusim dalam bentuk yang ditentukan olehnya dengan pembayaran tidak melebihi RM200.00 sebulan, dan pas bermusim itu, apabila dikeluarkan akan membolehkan kenderaan bermotor yang menggunakannya diletak di tempat yang telah dikhaskan penggunaannya.

(2) Pemegang pas bermusim mempunyai hak eksklusif untuk menggunakan petak letak kereta yang telah dikhaskan untuknya itu sepanjang masa sahlaku pas bermusim tersebut.

Penggantungan penggunaan tempat letak kereta.

20. (1) Yang Dipertua boleh menggantung penggunaan sesuatu tempat atau petak letak kereta pada bila-bila masa difikirkan penggantungan itu sebagai munasabah perlu:

- (a) bagi maksud memastikan aliran lalulintas atau memperbaiki tahap keselamatan lalulintas;
- (b) bagi maksud apa-apa kerja pembinaan, kerja meroboh atau mengorek yang berdampingan dengan petak letak kereta atau menyenggara, memaju atau membina semula tempat letak kereta atau memasang, mendirikan, mengubahkan atau membaiki mana-mana betung atau mana-mana kabel paip sesalur atau radas untuk membekalkan air atau elektrik atau mana-mana talian telegraf dalam petak letak kereta itu atau berdampingan dengannya;
- (c) untuk menyenangkan penduduk-penduduk premis-premis yang berdampingan dengan tempat letak kereta itu pada bila-bila masa mengalih atau menyerahkan perabot dari atau ke mana-mana premis itu;
- (d) pada bila-bila masa mungkin disebabkan oleh kerana sesuatu pertunjukkan khas yang mana jalan akan menjadi sesak atau terhalang;
- (e) untuk menyenangkan penduduk premis yang berdampingan dengan petak letak kereta pada masa perkahwinan atau perkebumian atau peristiwa-peristiwa khas yang lain; atau
- (f) kerana apa-apa sebab lain sebagaimana difikirkan patut oleh Yang Dipertua.

(2) Atas sesuatu penggantungan tersebut di atas seseorang wakil Yang Dipertua yang diberi kuasa dengan sempurna hendaklah menampalkan satu notis tertentu di petak letak kereta yang berkenaan atau dekat dengannya dan adalah menyalahi undang-undang bagi sesiapa jua meletakkan apa-apa kenderaan bermotor di petak letak kereta itu kecuali bagi sesuatu maksud yang berhubung penggantungan itu telah dibuat.

(3) Yang Dipertua boleh mengenakan bayaran ke atas sesiapa yang menyebabkan penggantungan penggunaan sesuatu tempat atau petak letak kereta seperti yang dinyatakan di bawah subperenggan 1 dengan kadar yang ditetapkan oleh Yang Dipertua.

Halangan dan pengalihannya.

21. (1) Tiada sesiapa pun boleh menghalang atau menyebabkan terhalang mana-mana tempat atau petak letak kereta.

(2) Seseorang atendan letak kereta, Pembantu Penguatkuasa (Tempat Letak Kereta), atau sesiapa jua yang diberikuasa bagi maksud itu oleh Yang Dipertua boleh mengalihkan apa-apa jua benda yang menyebabkan halangan tersebut di atas, dan pemunya atau pemunya-pemunya itu boleh menuntut benda yang tersebut dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh pengalihan itu daripada Yang Dipertua setelah menjelaskan perbelanjaan mengalihkan dan menjaga benda itu kepada Yang Dipertua.

(3) Yang Dipertua boleh pada bila-bila masa melupuskan benda yang tersebut di atas jika benda itu ialah dari jenis yang tak tahan lama dan juga melupuskan benda yang tahan lama selepas dua puluh satu (21) hari yang berkenaan itu dan hasil dari pelupusan itu hendaklah dipulangkan kepada pemunya dengan ditolak belanja yang tersebut dalam subperenggan 2 dan apa-apa belanja lain yang dilakukan berkaitan dengan pelupusan itu; dan jika sekiranya pemunya benda itu tidak dapat dipastikan, hasilan yang disebutkan itu boleh dikreditkan kepada Majlis selepas dua belas (12) bulan dari tarikh pelupusan itu.

(4) Yang Dipertua tidaklah bertanggungjawab atas apa-apa kerosakan yang berlaku kepada benda itu dalam masa mengalihkannya dan semasa dalam jagaan Yang Dipertua.

Kenderaan bermotor yang dikecualikan.

22. Perintah ini tidaklah dipakai bagi:

- (a) mana-mana ambulans atau kenderaan bomba atau apa-apa jua kenderaan bermotor yang digunakan oleh Tentera, Polis atau Pejabat Pos;
- (b) apa-apa jua kenderaan bermotor yang digunakan oleh mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis; atau di bawah mana-mana perintah yang mempunyai kuatkuasa mana-mana undang-undang bertulis, untuk membina, mendirikan atau menjalankan pekerjaan mengenai elektrik, air atau lain-lain pekerjaan awam, setakat mana kenderaan itu digunakan untuk membina, mendirikan atau menjalankan pekerjaan mengenainya itu; dan;
- (c) sesebuah kenderaan bermotor yang telah diarahkan ke suatu petak letak kereta oleh seorang pegawai polis beruniform dalam masa ia menjalankan tugasnya.

Pas letak kereta percuma.

23. Yang Dipertua boleh mengeluarkan atau mengarahkan untuk dikeluarkan bagi pihaknya suatu pas percuma dalam bentuk yang ditentukan olehnya tanpa sebarang pembayaran, dan pas percuma itu, apabila dikeluarkan akan membolehkan kenderaan bermotor yang menggunakannya diletak di mana-mana tempat letak kereta kecuali petak letak kereta bermusim tanpa sebarang bayaran.

Kuasa mengalih dan menahan oleh Yang Dipertua.

24. (1) Jika sesuatu kenderaan bermotor:

- (i) diletakkan di mana-mana tempat letak kereta berkupon tanpa dipamerkan kupon letak kereta atau tidak mempunyai pas bulanan atau pas bermusim yang sah melainkan mana-mana kenderaan yang telah dikecualikan daripada Perintah ini;
- (ii) telah ditinggalkan di tempat letak kereta selama lebih daripada dua (2) hari dan kupon letak kereta menunjukkan bahawa tempoh letak kereta telah tamat;
- (iii) melakukan apa-apa yang melanggar mana-mana peruntukan di bawah Perintah ini maka,

Yang Dipertua boleh mengarahkan kenderaan bermotor itu dialihkan dari tempat letak kereta itu ke suatu tempat yang selamat dan ditahan di situ sehingga perintah pelepasan dari Yang Dipertua diterima.

(2) Yang Dipertua atau atendan letak kereta boleh menahan kenderaan bermotor itu sehingga bayaran-bayaran yang ditetapkan bagi tempoh yang tidak dibayar hingga masa kenderaan bermotor itu dialihkan dari tempat letak kereta dan segala belanja yang munasabah dilakukan pada melaksanakan peruntukan-peruntukan perintah ini telah dibayar kepada Yang Dipertua.

(3) Yang Dipertua tidaklah bertanggungjawab atas apa-apa kerosakan kepada kenderaan bermotor itu atau atas apa-apa kehilangan atau kerosakan kepada kelengkapan atau kandungan mana-mana kenderaan bermotor yang dialihkan dan ditahan oleh Yang Dipertua di bawah peruntukan-peruntukan perintah ini.

Pemberitahuan mengenai pengalihan dan tahanan.

25. Apabila sesuatu benda atau sebuah kenderaan bermotor dialihkan atau ditahan mengikut peruntukan-peruntukan perintah 21 dan 24, Yang Dipertua hendaklah dengan seberapa segera yang munasabah memberi notis bertulis kepada pemunya tentang pengalihan dan tahanan benda atau kenderaan bermotor jika nama dan alamat pemunya itu diketahui.

Keselamatan kenderaan bermotor.

26. Kenderaan bermotor dalam kawasan sesuatu tempat letak kereta tidak boleh ditarik, dipandu atau ditolak kecuali dengan cara yang teratur dan berhemat dan dengan mengambil perhatian terhadap keselamatan kenderaan bermotor lain dan orang-orang dalam kawasan tempat letak kereta itu.

Larangan membaiki.

27. Tiada sesiapa pun boleh membaiki sesebuah kenderaan bermotor atau membenarkan sesebuah kenderaan bermotor dibaiki di tempat letak kereta kecuali jika membaikinya adalah perlu untuk membolehkan kenderaan bermotor itu dialihkan dari tempat letak kereta itu.

Larangan mencuci atau membersihkan.

28. Tiada sesiapa pun boleh mencuci atau membersihkan atau menyebabkan atau membenarkan dicuci atau dibersihkan mana-mana kenderaan bermotor di tempat letak kereta.

Kenderaan bermotor tidak bertunggu.

29. Kenderaan bermotor di sesuatu tempat letak kereta tidak boleh dibiarkan tidak bertunggu melainkan jika kenderaan bermotor itu tidak dapat dialihkan dengan menggunakan brek atau dengan apa-apa cara lain yang mencukupi disebabkan tidak boleh bergerak.

Orang-orang dibenarkan di tempat letak kereta.

30. Tiada sesiapa pun kecuali seseorang atendan letak kereta atau pemunya atau pemandu atau penumpang sesebuah kenderaan bermotor yang terletak di tempat letak kereta boleh berada atau tinggal di tempat letak kereta itu.

Larangan berdagang atau berniaga.

31. Tiada sesiapa pun boleh menggunakan mana-mana kenderaan bermotor yang terletak dalam petak letak kereta bagi maksud menjalankan apa-apa perdagangan atau perniagaan.

Pertanggungan pemunya berdaftar.

32. Dalam hal-hal mengenai pelanggaran atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Perintah ini pemunya berdaftar kenderaan bermotor itu hendaklah dianggap sebagai telah melanggar atau tidak mematuhi peruntukan atau peruntukan-peruntukan itu jika orang (iaitu bukannya pemunya berdaftar) yang sebenarnya melanggar atau tidak mematuhi peruntukan atau peruntukan-peruntukan itu tidak diketahui atau tidak dijumpai.

Mengadakan papan tanda.

33. Yang Dipertua hendaklah mengadakan satu atau beberapa papan tanda di tiap-tiap satu tempat letak kereta yang menunjukkan penguatkuasaan tempat letak kereta sistem berkupon dan boleh mendirikan apa-apa tanda dan isyarat sebagaimana yang difikirkannya perlu untuk mengarahkan atau mengatur kenderaan-kenderaan bermotor dalam kawasan tempat letak kereta itu.

Majlis tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan.

34. Yang Dipertua tidaklah bertanggungjawab atas apa-apa kehilangan atau kerosakan kepada mana-mana kenderaan bermotor atau kepada kelengkapan atau kandungan mana-mana kenderaan bermotor semasa diletakkan di mana-mana tempat letak kereta.

Larangan mengalih notis atau peringatan makluman.

35. Tiada sesiapa pun kecuali seseorang yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua boleh mengalihkan atau menyebabkan dialih apa-apa notis yang dikeluarkan oleh seseorang atendan letak kereta dan yang ditampalkan pada cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan bermotor yang mudah dilihat semasa terletak di mana-mana tempat atau petak letak kereta.

Kecemasan.

36. Dalam masa kecemasan, sesiapa jua yang diberikuasa bagi maksud itu oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai polis beruniform boleh mengalihkan atau menyebabkan dialihkan mana-mana kenderaan bermotor yang ditinggalkan dalam mana-mana petak letak kereta ke mana-mana tempat yang difikirkan patut.

Kesalahan-kesalahan lain.

37. Adalah menjadi kesalahan kepada mana-mana orang yang:

- (a) meletakkan kenderaan bermotor yang boleh menghalang pili bomba;
- (b) meletakkan kenderaan bermotor di kawasan kaki Tima/star kaki;
- (c) meletakkan kenderaan bermotor di petak letak kereta bermusim tanpa pas bermusim yang sah;
- (d) meletakkan kenderaan bermotor di tempat letak kereta yang lain dari yang telah ditetapkan untuk jenisnya;
- (e) meletakkan kenderaan bermotor diluar dari petak letak kereta di tempat letak kereta;
- (f) mempamerkan kupon letak kereta yang tidak sah.

Penetapan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun.

38. Semua jenis kesalahan-kesalahan di bawah Perintah ini adalah ditetapkan sebagai kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaunkan oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa sedemikian oleh Menteri.

Tawaran mengkompaun.

39. (1) Mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukkan di bawah Perintah ini adalah melakukan satu kesalahan yang boleh dikompaun dan hendaklah membayar kepada Yang Dipertua satu bayaran seperti yang dinyatakan di dalam notis tawaran mengkompaun dalam tempoh 14 hari dari tarikh notis tawaran mengkompaun seperti yang terkandung di dalam Jadual Keempat yang dikeluarkan dan disampaikan oleh Pembantu Penguatkuasa (Tempat Letak Kereta).

(2) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis yang diberikuasa oleh Menteri boleh mengikut budi bicaranya mengkompaunkan apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah mana-mana peruntukan Perintah ini dengan mendapatkan bayaran yang tidak lebih dari yang ditetapkan dalam subperenggan 6.

(3) Pembayaran wang yang dibuat mestilah dengan wang tunai atau dengan kiriman wang, wang pos, perintah kasyier, perintah bank atau draf bank dibayar kepada Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kluang dan dipalang dengan perkataan 'Akaun Penerima Sahaja'.

(4) Tiap-tiap bayaran yang diterima mestilah dikira sebagai hasil Majlis dan satu resit rasmi mestilah dikeluarkan baginya kepada orang yang diberi tawaran mengkompaun itu.

(5) Di atas pembayaran jumlah wang tersebut tiada tindakan lanjut akan diambil terhadap orang berkenaan mengenai kesalahan tersebut.

(6) Tertakluk kepada jenis-jenis kesalahan, setiap satu kesalahan yang dilakukan di bawah Perintah ini boleh dikompaunkan dengan bayaran tidak melebihi RM300.00.

(7) Sebarang notis tawaran mengkompaun adalah disifatkan sebagai telah disampaikan kepada pemandu atau pemunya kenderaan bermotor yang berkaitan jika ianya telah diletakkan di cermin hadapan kenderaan bermotor tersebut atau di mana-mana bahagian lain kenderaan bermotor tersebut yang mudah dilihat.

(8) Sekiranya pada masa mana-mana kesalahan dilakukan pemilik tidak memandu kenderaan bermotor tersebut, adalah menjadi tanggungjawab pemilik untuk memberikan kepada Yang Dipertua maklumat dan butir-butir pemandu kenderaan bermotor tersebut secukupnya.

(9) Sekiranya pemandu atau pemunya kenderaan bermotor tidak menjelaskan bayaran sebagaimana dinyatakan di dalam Perintah ini dalam masa yang ditetapkan itu, Yang Dipertua atau pegawainya boleh memulakan pendakwaan ke atas pemandu atau pemunya kenderaan bermotor tersebut di mahkamah yang berkenaan.

Penalti.

40. Sesiapa jua yang melanggar mana-mana peruntukan Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen (7) seksyen 72 Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan apabila disabitkan oleh Mahkamah Majistret atau mana-mana mahkamah berkenaan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada tiga ratus Ringgit (RM300.00) dan selain dari itu hendaklah membayar kepada Yang Dipertua apa-apa bayaran lain yang kena dibayar di bawah peruntukan-peruntukan Perintah ini.

Pemansuhan J. P.U. 8/2002.

41. Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Mengenai Tempat Letak Kereta Berkupon) (Majlis Daerah Kluang Utara) 2001 adalah dimansuhkan.

JADUAL PERTAMA

(1) Bil.	(2) Kawasan	(3) Bayaran Letak Kereta Yang Ditetapkan	(4) Jenis Tempat Letak Kereta	(5) Masa-masa Dikawal
1.	Jalan Hashim	60 sen bagi setiap	Sistem Letak	Isnin hingga
2.	Jalan Pasar	satu (1) jam atau	Kereta	Sabtu (8.00
3.	Jalan Mengkibol	40 sen bagi setiap	Berkupon	pagi hingga
4.	Jalan Ismail	setengah (1/2) jam		6.00 petang)
5.	Lorong Gidler			
6.	Lorong Ungku Hassan			
7.	Jalan Gunung Lambak			
8.	Jalan Wayang			
9.	Jalan Panggong			
10.	Jalan Cantik			
11.	Jalan Susur Mersing 4T			
12.	Jalan Mersing (Bandar)			
13.	Jalan Station			
14.	Lorong Station			
15.	Jalan Sheikh Abdul Kadir			
16.	Jalan Tengku Mahkota Ismail			
17.	Jalan Intan			
18.	Jalan Sultan			
19.	Jalan Dato Teoh Siew Khor			
20.	Jalan Merdeka			
21.	Jalan Dato' Kupten Ahmad			
22.	Jalan Sultanah			
23.	Jalan Dato' Haji Hassan			

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
	Kawasan	Bayaran Letak Kereta Yang Ditetapkan	Jenis Tempat Letak Kereta	Masa-masa Dikawal
24	Jalan Dato' Rauf	60 sen bagi setiap	Sistem Letak	Isnin hingga
25	Jalan Persiaran Yayasan	satu (1) jam atau	Kereta	Sabtu (8.00
26	Jalan Yayasan	40 sen bagi setiap	Berkupon	pagi hingga
27	Jalan Haji Manan	setengah (1/2) jam		6.00 petang)
28	Jalan Syed Abdul Hamid Sagaff			
29	Jalan Md. Lazim Saim			
30	Jalan Dato Tan Seng Leong			
31	Jalan Dato Haji Ismail Hassan			
32	Jalan Bakawali			
33	Jalan Mata Kucing			
34	Jalan Sentol			
35	Jalan Setoi I			
36	Jalan Rambutan			
37	Jalan Intan 2/1			
38	Lorong Belakang Intan 2/1			
39	Jalan intan 2/2			
40	Jalan Intan 2/3			
41	Jalan Intan 2/4			
42	Jalan Intan 2/5			
43	Jalan Emas			
44	Jalan Sahabat			
45	Jalan Mersing (Kluang Baru)			
46	Jalan Sulaiman Md Noor			
47	Jalan Lim Swee Sim			
48	Jalan Tan Khim Seck			
49	Jalan Ng Pi Ton			
50	Jalan Mohd Ngatim			
51	Jalan Haji Manap Nordin			
52	Jalan Kampong Paya			
53	Jalan Berangan			
54	Jalan Kurnia 8			
55	Lorong Belakang, Jalan Pasar			
56	Jalan Gambit			
57	Jalan Wayang			
58	Jalan Bakar Sampah			
59	Jalan Omar			
60	Lorong Yayasan			
61	Jalan Pasar Baru			
62	Jalan Manggis			
63	Jalan Intan 1, Taman Intan			
64	Jalan Intan 1/1, Taman Intan			
65	Jalan Intan 6, Taman Intan			
66	Jalan Intan 6/1, Taman Intan			
67	Jalan Intan 7, Taman Intan			
68	Jalan Intan 7/1, Taman Intan			
69	Jalan Intan 7/2, Taman Intan			
70	Jalan Intan 7/3, Taman Intan			
71	Jalan Intan 7/4, Taman Intan			
72	Jalan Intan 7/5, Taman Intan			
73	Jalan Batu Pahat			

(1) Bil.	(2) Kawasan	(3) Bayaran Letak Kereta Yang Ditetapkan	(4) Jenis Tempat Letak Kereta	(5) Masa-masa Dikawal
74.	Jalan Bersatu 1, Taman Bersatu	60 sen bagi setiap satu (1) jam atau	Sistem Letak Kereta Berkupon	Isnin hingga Sabtu (8.00 pagi hingga 6.00 petang)
75.	Jalan Bersatu 2, Taman Bersatu	40 sen bagi setiap setengah (1/2) jam		
76.	Jalan Bersatu 3, Taman Bersatu			
77.	Jalan 13, Taman Kluang Barat Fasa 1			
78.	Jalan 13, Taman Kluang Barat Fasa 2			
79.	Jalan 53, Taman Kluang Barat Fasa 2			
80.	Jalan 53A, Taman Kluang Barat Fasa 2			
81.	Jalan 53B, Taman Kluang Barat Fasa 2			
82.	Jalan 51, Taman Kluang Barat Fasa 2			
83.	Tempat Letak Kereta Awam Pusat Rekreasi Sukan Kluang, Taman Kluang Barat			
84.	Jalan Desa, Taman Desa			
85.	Jalan Desa 1, Taman Desa			
86.	Jalan Desa 3, Taman Desa			
87.	Jalan Desa 5, Taman Desa			
88.	Jalan Desa 5/2, Taman Desa			
89.	Jalan Desa 5/3, Taman Desa			
90.	Jalan Desa 5/1, Taman Desa			
91.	Jalan Nilam 2, Taman Nilam			
92.	Jalan Berlian, Taman Berlian			
93.	Jalan Berlian 1, Taman Berlian			
94.	Jalan Berlian 2, Taman Berlian			
95.	Jalan 1, Taman Sri Kluang			
96.	Jalan 4, Taman Sri Kluang			
97.	Jalan 6, Taman Sri Kluang			
98.	Jalan 2, Taman Sri Kluang			
99.	Jalan 8, Taman Sri Kluang			
100.	Jalan 1 1/3, Taman Sri Kluang			
101.	Jalan Panghulu Kassim			
102.	Jalan Tembikai			
103.	Jalan Pulasan			
104.	Jalan Susur di hadapan Bangunan No. 230-262, Jalan Mersing, Taman Kurnia			
105.	Jalan Susur di hadapan Bangunan No. 491-539, Jalan Mersing, Kluang Baru			
106.	Jalan Mesra, Taman Sayang			
107.	Jalan Haji Abdul Aziz Awah			
108.	Jalan Susur di hadapan Bangunan No. 683-693, Jalan Mersing dan Persimpangan Jalan Kampung Paya			
109.	Jalan Selar, Taman Dato Amar Diraja			
110.	Jalan Seoahong, Taman Dato Kaptain Ahmad			
111.	Jalan Tapah, Taman Indah Jaya			
112.	Jalan Seluang, Taman Indah Jaya			
113.	Jalan Puyu, Taman Indah Jaya			
114.	Jalan Puri, Taman Sri Paya			
115.	Jalan Ungku Mohd Salleh			
116.	Jalan Susur di hadapan Bangunan No. 1-49, Jalan Kampung Paya			
117.	Jalan Punai, Happy Valley			

(1) Bil.	(2) Kawasan	(3) Bayaran Letak Kereta Yang Ditetapkan	(4) Jenis Tempat Letak Kereta	(5) Masa-masa Dikawal
118.	Jalan Bangau	60 sen bagi setiap	Sistem Letak	Isnin hingga
119.	Jalan Susur di hadapan Bangunan No. 91370- 1384, Happy Velly, Jalan Mersing	satu (1) jam atau 40 sen bagi setiap setengah (1/2) jam	Kereta Berkupon	Sabtu (8.00 pagi hingga 6.00 petang)
120.	Jalan Susur di hadapan Bangunan No. 972-996, Jalan Mersing			
121.	Jalan Susur di hadapan Bangunan No. 1000-1022, Taman Sam Hue, Jalan Mersing			
122.	Jalan Hang Tuah, Taman Muhibbah			
123.	Jalan Hang Tuah 4, Taman Muhibbah			
124.	Jalan Hang Tuah 4/1, Taman Muhibbah			
125.	Jalan Hang Tuah 4/2, Taman Muhibbah			
126.	Jalan Hang Tuah 4/3, Taman Muhibbah			
127.	Jalan Hang Jebat, Taman Muhibbah			
128.	Jalan Besar			
129.	Jalan Binjai			
130.	Pasar Awam	60 sen bagi setiap satu (1) jam atau 30 sen bagi setiap setengah (1/2) jam berikut	Sistem Letak Kereta Bertiket	Selasa hingga Ahad (3.00 pagi hingga 6.00 petang) Kecuali pada hari Isnin dan Kelepasan Am

JADUAL KEDUA

(1) Bil.	(2) Kawasan	(3) Bayaran Letak Teksi Yang Ditetapkan	(4) Masa-masa Dikawal
	Kompleks Pengangkutan Majlis Daerah Kluang	RM300.00 sebulan bagi sewa laluhan untuk teksi-teksi yang didaftarkan di Malaysia.	Di antara jam 6.00 pagi dan 12.00 tengah malam pada mana-mana hari termasuk hari Ahad tidak termasuk hari kelepasan Am.

JADUAL KETIGA

(1) Bil.	(2) Kawasan	(3) Bayaran Letak Bas Yang Ditetapkan	(4) Masa-masa Dikawal
	Kompleks Pengangkutan Majlis Daerah Kluang	RM200.00 sebulan bagi sewa laluhan untuk bas-bas yang didaftarkan di Malaysia. RM50.00 bagi laluhan untuk untuk bas-bas yang didaftarkan di luar Malaysia	Di antara jam 6.00 pagi dan 12.00 tengah malam pada mana-mana hari termasuk hari Ahad tidak termasuk hari kelepasan Am

JADUAL KEEMPAT

PERINTAH LALULINTAS JALAN
(PERUNTUKAN TEMPAT LETAK KERETA)
MAJLIS PERBANDARAN KLUANG 2003

{Perintah 39}

NOTIS KESALAHAN SERTA TAWARAN KOMPAUN

No. Pembantu Penguatkuasa:.....

Kepada

Nama/Pemandu/Pemunya:.....

No. I/C:.....

Alamat:.....

No. Kereta Motor :.....

No. Cukai Jalan :.....

Jenis Kereta Motor:.....Warna Kereta Motor:.....

Tarikh:..... Waktu:.....(pagi/petang)

Tempat/Jalan:..... No. Petak:.....

Dengan ini diberitahu kenderaan bermotor tuan/puan telah dilaporkan dengan kesalahan seperti yang bertanda (X) di bawah:

PERINTAH LALULINTAS JALAN
(PERUNTUKAN TEMPAT LETAK KERETA)
MAJLIS PERBANDARAN KLUANG 2003

Kesalahan-kesalahan di bawah syarat-syarat dan peraturan Sistem Letak Kereta Berkupon:

- | | |
|---|----------------|
| (a) tidak mempamerkan kupon yang dikeluarkan oleh Majlis atau Syarikat Pengendali semasa meletakkan kenderaan bermotor di dalam petak letak kereta berkupon; | Perintah 8(3) |
| (b) mempamerkan kupon letak kereta yang telah tamat tempoh yang dibenarkan; | Perintah 17 |
| (c) mempamerkan kupon letak kereta di dalam keadaan di mana kupon letak kereta tersebut tidak dapat dikenal-pasti atau dilihat oleh Pembantu Penguatkuasa (Tempat Letak Kereta) semasa menjalankan pemeriksaan; | Perintah 14(1) |
| (d) mempamerkan kupon letak kereta tanpa membuat penandaan yang betul; | Perintah 12(2) |
| (e) meletakkan kenderaan bermotor di luar dari petak letak kereta di tempat letak kereta; | Perintah 37(e) |
| (f) menghalang petak letak kereta; | Perintah 21(1) |

- | | | |
|-----|--|----------------|
| (p) | kenderaan bermotor yang diletak tidak mengikut arah lalu-lintas; | Perintah 6(2) |
| (h) | berniaga di tempat letak kereta; | Perintah 31 |
| (i) | meletak kenderaan bermotor yang menghalang pili bomba; | Perintah 37(a) |
| (j) | meletak kenderaan bermotor di kawasan kaki lima/siar kaki; | Perintah 37(b) |
| (k) | meletak kenderaan bermotor di tempat letak kereta bermusim tanpa pas bermusim yang sah; | Perintah 37(c) |
| (l) | meletakkan kenderaan bermotor di tempat selain dari yang ditetapkan bagi jenis kenderaan itu; | Perintah 37(d) |
| (m) | mempamerkan kupon yang tidak sah semasa meletak kenderaan bermotor di petak letak kereta di tempat letak kereta; | Perintah 37(f) |
| (n) | kesalahan lain Perintah (nyatakan) | |

Dikeluarkan Oleh:.....

Tarikh:.....

*Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kluang*

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan di bawah seksyen 120(1)(e) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], dan Perintah 39(1) dan (2) saya dengan ini menawar untuk mengkompaun kesalahan ini dengan bayaran RM.....Jika tuan/puan menerima tawaran ini, sila jelaskan bayaran tersebut di PEJABAT UNIT LETAK KERETA MAJLIS PERBANDARAN KLUANG.

2. Tawaran mengkompaun kesalahan ini berkuatkuasa selama 14 hari sahaja daripada tarikh notis ini dikeluarkan dan jika jawapan tidak diterima dalam tempoh itu, tindakan Mahkamah akan diambil terhadap tuan/puan tanpa notis lagi.

Kesalahan Kompaun	Kadar
No. (a), (b), (c), (d), (e), (f), (g) dan (h)	RM30.00
No. (i), (j), (k), (l), (m) dan (n)	RM100.00

*Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kluang*

PENERANGAN

Bayaran boleh dibuat di Pejabat Majlis Perbandaran Kluang beralamat di:

.....
.....
.....
.....

WAKTU PEJABAT

Isnin – Khamis:	8.00 pagi hingga 1.00 petang
:	2.00 petang hingga 4.30 petang
Jumaat	8.00 pagi hingga 12.15 tengah hari
:	2.45 petang hingga 4.30 petang
Sabtu	8.00 pagi hingga 12.50 tengah hari

Bayaran hendaklah di dalam bentuk wang tunai atau kiriman wang, wang pos, perintah kasyier, perintah bank atau deraf bank yang dipalang dan dibayar kepada "Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kluang".

Cek persendirian adalah tidak diterima.

Sila membuat pembayaran dalam masa 14 hari dari tarikh notis tawaran ini.

Bertarikh pada 5hb September 2003.

[-K.T. 58/26 Jld. 5; -MPK/599/702/3/10 Bhg. 1-(22);

PUNJ. Bil. (PU2) 10.]

HAMSAH BIN SARINGAT,

Yang Dipertua,

Majlis Perbandaran Kluang

Disahkan pada 10hb September 2003.

HAJI SALLEH BIN HAJI AHMAD,

Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan,

Johor